

Report Laporan
Tahunan Annual Report

PETRONAS GAS BERHAD
(101671-H)



PETRONAS
GAS


Cover

An amalgam of images of pipes, turbine and LPG spherical tank, related to the gas industry. Central to the mural-like theme is the human factor in action, flanked by the dimensional PETRONAS logo, to suggest the intertwine of man and his corporate objectives that drive PETRONAS Gas ahead as a successful company in Malaysia.

Kulit

Paduan arca saluran paip, turbin dan tangki sfera GPC yang berhubung kait dengan industri gas. Teras tema ala mural ini ialah faktor kemanusiaan melakonkan aksi, diapit logo PETRONAS yang dimensional, yang menggambarkan penyepaduan manusia dan matlamat korporatnya untuk memacu PETRONAS Gas Berhad ke depan sebagai sebuah Syarikat yang berjaya di Malaysia.

Contents

Corporate Mission	1
Corporate Profile	2
Highlights Of Financial Year 1999/2000	4
Notice Of Annual General Meeting	6
Organisation Structure	10
Five-Year Financial Summary	11
Corporate And Management Directory	14
Board Audit Committee	16
Management Committee	20
Chairman's Statement	22
The CEO Reviews PGB's 1999/2000	
Financial Performance & Operations	26
Human Resource Management:	
PGB Stresses On Training And Education To Build A Learning	
Organisation	50
Health, Safety And Environment:	
PGB Takes A Proactive Approach	54
Calendar Of Events	
1 April 1999–31 March 2000	58
Shareholders Information	64
Performance Of Shares And Warrants	66
Financial Statements	67
Summary Of Landed Property, Plant And Equipment	119
Corporate Directory	127
Proxy Form	

We are a business entity. Gas is our core business. Our primary responsibility is to add value to this natural resource.

*Kami adalah sebuah entiti perniagaan.
Gas adalah perniagaan asas kami.
Tanggungjawab utama kami ialah untuk
menambah nilai ke atas sumber
semulajadi ini.*

Kandungan

<i>Misi Korporat</i>	1
<i>Profil Korporat</i>	3
<i>Sorotan Penting Tahun Kewangan</i>	
<i>1999/2000</i>	4
<i>Notis Mesyuarat Agung Tahunan</i>	8
<i>Struktur Korporat</i>	10
<i>Ringkasan Kewangan Bagi Lima Tahun</i>	11
<i>Panduan Korporat Dan Pengurusan</i>	14
<i>Lembaga Jawatankuasa Audit</i>	18
<i>Jawatankuasa Pengurusan</i>	20
<i>Penyata Pengerusi</i>	22
<i>Tinjauan Ketua Pegawai Eksekutif PGB</i>	
<i>Prestasi Kewangan Dan Operasi</i>	
<i>1999/2000</i>	26
<i>Pengurusan Sumber Tenaga Manusia:</i>	
<i>PGB Menekankan Pendidikan Dan Latihan Untuk Melahirkan Organisasi Berpengetahuan</i>	50
<i>Kesihatan, Keselamatan Dan Alam Sekitar:</i>	
<i>PGB Mengambil Pendekatan Proaktif</i>	54
<i>Urutan Peristiwa</i>	
<i>1 April 1999–31 Mac 2000</i>	58
<i>Maklumat Pemegang Saham</i>	64
<i>Prestasi Saham Dan Waran</i>	66
<i>Penyata Kewangan</i>	93
<i>Ringkasan Hartanah, Loji Dan Peralatan</i>	123
<i>Panduan Korporat</i>	127
<i>Borang Proksi</i>	



PETRONAS Gas Berhad (PGB) was incorporated as a private limited company on 23 May 1983 under the Companies Act, 1965 of Malaysia and converted to a public limited company on 28 March 1995. PGB is the gas processing and transmission company of PETRONAS, the national oil company, which holds 58.14% equity. PGB was listed on the Main Board of the Kuala Lumpur Stock Exchange on 4 September 1995.

PGB has today expanded its scope of activities beyond the processing and transmission of gas. With the full implementation of its Centralised Utility Facilities (CUF) project, the company will become a supplier of utilities such as steam, electricity, oxygen, nitrogen, compressed air, demineralised water and waste water treatment to the petrochemical complexes in the Kertih-Gebeng industrial zone.

The CUF has been designed and built as a strategically located facility especially to serve the utility needs of the plants within the Integrated Petrochemical Complex in Kertih and Gebeng. When it is fully on-stream, the facility will enable the plants to reduce their initial investment outlay and focus on their core business, thus enhancing their productivity. The project will provide the company with an additional source of income and transform it into a utility supplier.

The company currently operates six Gas Processing Plants (GPP), four of which are in Kertih,

Terengganu while two more are located in Kampung Tok Arun, Paka, Terengganu. The plants have a combined sales gas production capacity of 2,000 million standard cubic feet per day (mmscfd).

PGB transmits sales gas produced from these plants to customers throughout Peninsular Malaysia via the 1,420 km Peninsular Gas Utilisation (PGU) pipelines. The company has recently completed 265 km of pipeline under the PGU Loop 1, which are parallel to the existing PGU mainline trunkline from Kertih to Segamat. Another 227 km under PGU Loop 2 is scheduled for completion in 2001.



PETRONAS Gas Berhad (PGB) ditubuhkan sebagai sebuah syarikat sendirian berhad pada 23 Mei 1983 di bawah Akta Syarikat 1965 dan kemudian ditukar menjadi sebuah syarikat awam berhad pada 28 Mac 1995. PGB merupakan syarikat pemprosesan dan penyaluran gas milik PETRONAS, di mana syarikat minyak negara ini memiliki 58.14% kepentingan dalam PGB. PGB disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur pada 4 September 1995.

PGB hari ini telah mengembangkan aktiviti perniagaannya yang berteraskan pemprosesan dan penyaluran gas. Dengan perlaksanaan Projek Kemudahan Utiliti Berpusat (CUF), syarikat akan menjadi pembekal utiliti seperti wap, tenaga elektrik, oksigen, nitrogen, udara termampat, air bukan mineral dan rawatan sisa air ke komplek-komplek petrokimia di kawasan zon industri Kertih-Gebeng.

CUF yang dirancang dan dibina sebagai kemudahan strategik setempat terutamanya menyediakan keperluan utiliti kepada loji-loji di Komplek Petrokimia Bersepadu Kertih dan Gebeng. Bila beroperasi sepenuhnya, kemudahan ini akan membolehkan loji-loji mengurangkan perbelanjaan modal mereka dengan memberi tumpuan kepada perniagaan teras sekaligus meningkatkan produktiviti. Projek ini akan memberi sumber baru pendapatan kepada syarikat dan dalam masa yang sama menjadi pembekal utiliti.

Syarikat kini mengendalikan enam Loji Memproses Gas (LMG), di mana empat daripadanya terletak di Kertih, Terengganu manakala dua lagi terletak di Kampung Tok Arun, Paka, Terengganu. Loji-loji ini mempunyai jumlah keseluruhan keupayaan memproses gas jualan sebanyak 2,000 juta kaki padu standard sehari (jkpss).

PGB menyalurkan gas jualan yang diproses kepada pelanggan-pelanggan di Semenanjung Malaysia melalui saluran paip gas Projek Penggunaan Gas Semenanjung sepanjang 1,420 km. Syarikat kini telah menyiapkan Projek Menggelung 1, iaitu saluran paip yang selari dengan saluran paip utama yang sedia ada dari Kertih ke Segamat sepanjang 265 km. Projek Menggelung 2 sepanjang 227 km dijangka siap pada tahun 2001.